

**KAJIAN TENTANG PENGEMBALIAN SEMULA (*RESTORATION*) BANGUNAN  
WARISAN TERHADAP SOSIO-BUDAYA MASYARAKAT DI ALOR SETAR : RUMAH  
KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD, KEDAH**

**AINUN HUSNAA BINTI IZHAR**

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**DENGAN KEPUJIAN**

MALAYSIA

KELANTAN

**2022**



**UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN**

**KAJIAN TENTANG PENGEMBALIAN SEMULA (*RESTORATION*) BANGUNAN  
WARISAN TERHADAP SOSIO-BUDAYA MASYARAKAT DI ALOR SETAR : RUMAH  
KELAHIRAN MAHATHIR MOHAMAD, KEDAH**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**AINUN HUSNAA BINTI IZHAR**

**C18A0028**

Laporan Projek Akhir ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian syarat Penganugerahan Ijazah

Sarjana Pengajian Warisan dengan Kepujian

**Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

**2022**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

**TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

**SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

**SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

**TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama



AINUN HUSNAA BINTI IZHAR

Tandatangan Penyelia



TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA

Tarikh: 20/02/2022  
20/02/2022

Tarikh:

**TS. DR. MUKHTARUDDIN BIN MUSA**  
Penyarah Kanan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachek, Kelantan

Nota\* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana di atas limpah dan kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ts. Dr. Mukhtaruddin bin Musa, selaku penyelia saya di atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (secara amnya) dan Universiti Malaysia Kelantan (secara khususnya) kerana telah membuka peluang untuk saya menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Terima kasih juga kepada pihak institusi kajian, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan kerana telah memberi sokongan penuh semasa penyelidikan ini dilaksanakan dan memudahkan proses untuk mendapat data.

Ribuan terima kasih kepada ibu yang saya hormati Halimah binti Hamad yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan, doa, peringatan dan panduan hidup yang amat saya perlukan sehingga tesis dan pengajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya hargai dan akan saya ingati sepanjang hayat ini.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ISI KANDUNGAN	III
SENARAI GAMBAR	V
SENARAI RAJAH	VII
ABSTRAK	VIII
ABSTRAC	IX
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang	1-3
1.2 Permasalahan Kajian	4
1.3 Persoalan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Skop Kajian	7-8
1.6 Kepentingan Kajian	9 -10
1.7 Struktur Tesis	11
<b>BAB 2 SOROTAN KAJIAN</b>	
2.0 Pengenalan	12
2.1 Definisi istilah	12-15
2.2 Sejarah Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	15-16

2.3 Kerangka Konseptual	16
2.4 Pendekatan Pemuliharaan Bangunan Warisan Pengembalian Semula (Restoration)	17
2.5 Kerangka Teoritikal	18
2.6 Teori Sosiologi	18-19
2.7 Kesimpulan	20
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0 Pengenalan	21
3.1 Rekabentuk Kajian	22
3.1.1 kaedah Kuantitatif	23
3.1.2 Kaedah Kualitatif	24
3.2 Pengumpulan Data	25
3.2.1 Data Primer	26-27
3.2.2 Data Sekunder	28-30
3.3 Persampelan Kajian	31
3.4 Instrumen Kajian	31
3.5 Analisis Data	32
3.6 Kesimpulan	32
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>	
4.0 Pengenalan	33-35
4.1 Keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	35-36
4.2 Kesan pengembalian semula ( <i>restoration</i> ) Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar.	37
4.2.1 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Jantina	37
4.2.2 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Umur	38

4.2.3	Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Bangsa	39
4.2.4	Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan	40
4.2.5	Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Tempoh Menetap di Sekitar Alor Setar	41
4.2.6	Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	42
4.2.7	Soalan Kajian Selidik: Mengkaji Kesan pengembalian semula Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar.	43-50
4.3	Kesimpulan	51
<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>		
5.0	Pengenalan	52-53
5.1	Cadangan	53
5.2	Rumusan	53-54
<b>RUJUKAN</b>		55-56
<b>LAMPIRAN</b>		57-58

## SENARAI GAMBAR

NO	MUKA SURAT
Gambar 1 : Bahagian hadapan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	2
Gambar 2 : Bahagian tepi Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	3
Gambar 3 : Bahagian dalaman Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	3
Gambar 4 : Demografi Responden Berdasarkan Jantina	37
Gambar 5 : Demografi Responden Berdasarkan Umur	38
Gambar 6 : Demografi Responden Berdasarkan Bangsa	39
Gambar 7 : Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan	40
Gambar 8 : Demografi Responden Berdasarkan Tempoh Menetap di Sekitar Alor Setar	41
Gambar 9 : Demografi Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan	42
Gambar 10 : Soalan Kajian Selidik 1	43
Gambar 11 : Soalan Kajian Selidik 2	44
Gambar 12 : Soalan Kajian Selidik 3	45
Gambar 13 : Soalan Kajian Selidik 4	46
Gambar 14 : Soalan Kajian Selidik 5	47
Gambar 15 : Soalan Kajian Selidik 6	48

Gambar 16 : Soalan Kajian Selidik 7

48

Gambar 17 : Soalan Kajian Selidik 8

50



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

NO		MUKA SURAT
1.1	Peta Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad	8
2.1	Kerangka Konseptual Kajian	17
3.1	Sumber Data Sekunder yang digunakan Pengkaji	29
4.1	Prosedur Dapatan Kajian	34

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ABSTRAK

Di dalam tesis ini, tajuk kajian yang dipilih dalam kajian ini adalah kajian tentang pengembalian semula (*restoration*) bangunan warisan terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar iaitu Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan salah satu bangunan bersejarah di Negeri Kedah dan dikelolakan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia. Terdapat beberapa objektif yang digunakan dalam penyelidikan ini seperti mengenal pasti keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dan mengkaji kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar, Kedah. Semasa menjalankan penyelidikan ini terdapat reka bentuk kajian yang digunakan iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Pengumpulan data dilakukan dalam penyelidikan ini dengan menggunakan data primer iaitu soal selidik dan temu bual dengan beberapa orang responden dan data sekunder iaitu melalui perpustakaan dan internet. Analisis data dilakukan setelah kesemua data yang diperolehi dalam kajian yang dilakukan melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif. Dalam setiap penyelidikan yang dilakukan terdapat beberapa kepentingan kepada individu dan masyarakat yang akan memberi ilmu yang bermanfaat daripada hasil penyelidikan yang dilakukan. Akhir sekali, diharapkan sedikit sebanyak hasil penyelidikan ini akan menjadi satu panduan dan badan ilmiah yang berguna yang boleh diguna pakai kepada semua golongan.

Kata Kunci: Pengembalian semula, Bangunan Warisan, Sosio-budaya, Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad.

## **ABSTRACT**

*In this thesis, the title of the study chosen in this study is a study on the restoration (restoration) of heritage buildings to the socio-cultural community in Alor Setar, namely the Birthplace of Tun Dr. Mahathir Mohamad. Birth House of Tun Dr. Mahathir Mohamad is one of the historic buildings in the State of Kedah and is managed by the National Archives Department of Malaysia. There are several objectives used in this research such as identifying the uniqueness and privilege of Tun Dr. Mahathir Mohamad and studied the effect of the restoration of Tun Dr. Mahathir Mohamad on the socio-culture of the community in Alor Setar, Kedah. During the conduct of this research there is a study design used that is quantitative and qualitative methods. Data collection was done in this research by using primary data that is questionnaires and interviews with several respondents and secondary data that is through the library and the internet. Data analysis was performed after all the data obtained in the study conducted through quantitative and qualitative methods. In every research conducted there are some interests to individuals and society that will provide useful knowledge from the results of research conducted. Finally, it is hoped that some of the results of this research will be a useful guide and scientific body that can be applied to all groups.*

*Keywords: Restoration, Heritage Building, Socio-Cultural, Birthplace Mahathir Mohamad.*

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan secara khusus kajian yang akan dijalankan. Bab ini juga terdiri daripada bahagian pendahuluan, latar belakang, kajian permasalahan bagi penyelidikan ini, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan diakhiri dengan kepentingan kajian terhadap semua lapisan pembaca.

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Topik bagi kajian penyelidikan ini adalah tentang pengembalian semula (*restoration*) bangunan warisan terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar iaitu Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di negeri Kedah. Alor Setar yang dikenali sebagai Alor Star dari tahun 2004 hingga 2008 ialah ibu negeri Kedah, Malaysia. Ia bandar kedua terbesar di negeri ini setelah Sungai Petani dan salah satu bandar terpenting di pantai barat Semenanjung Malaysia. Ia terletak di sepanjang lebuhraya terpanjang di negara ini. Bandaraya ini menempatkan kepada kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Bandar Muadzam Shah dan bandar diraja Kedah iaitu Bandar Anak Bukit. Kaum majoriti di ibu kota ini ialah kaum Melayu. Oleh itu, Alor Setar sangat terkenal dengan bangunan warisan seperti bangunan kediaman tokoh-tokoh Malaysia dalam sejarah kepimpinan.

Berdasarkan rujukan dari Akhbar Sinar Harian (2021), Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir merupakan salah satu bangunan bersejarah di Negeri Kedah dan dikelolakan oleh Jabatan Arkib Negara Malaysia. Pada 20 Disember 1925, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Keempat Malaysia telah dilahirkan di rumah Nombor 18, Lorong Kilang Ais, Alor Star, Kedah. Rumah kayu beratap nipah ini dibeli oleh ayah beliau, Mohamad bin Iskandar dari seorang penjual yang pada masa itu mahu mengahwinkan anaknya. Semasa dibeli, rumah ini tidak dicat dan mempunyai satu bilik sahaja mempunyai serambi tetapi tidak bertangga di hadapan. Rumah ini menggambarkan kehidupan zaman kanak-kanak Tun Dr. Mahathir.



Gambar 1.1 : Bahagian hadapan Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar, Kedah

Sumber : Laman Web Keratan Akhbar (2021)



Gambar 1.2 : Bahagian tepi Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar, Kedah

Sumber : Laman Web Keratan Akhbar (2021)



Gambar 1.3 : Bahagian dalaman Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad, Alor Setar, Kedah

Sumber : Laman Web Keratan Akhbar (2019)

## 1.2 Permasalahan Kajian

Permasalahan kajian merupakan bahagian yang menerangkan isu dan masalah yang akan dikaji dalam sesebuah penyelidikan. Permasalahan ini dapat diperoleh melalui pembacaan, pemerhatian dan temu bual. Masalah yang pertama yang menjadi isu ialah masyarakat kini kurang mengambil berat tentang kepentingan nilai warisan yang terdapat pada sesebuah bangunan warisan seperti bangunan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Rumah kelahiran tokoh-tokoh di Malaysia telah banyak menimba pengalaman tetapi tidak dikembalikan semula. Hal ini kerana, telah banyak bangunan pemodenan dibangunkan pada masa kini. Seperti yang dijelaskan dalam penyelidikan ini, Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan rumah Tun Dr. Mahathir dilahirkan dan dibesarkan. Rumah ini telah menyimpan banyak kenangan beliau sewaktu kanak-kanak. Oleh itu, dengan memulihara dan adanya bangunan rumah ini masyarakat sosio-budaya di Alor Setar sekarang dapat menghargai bangunan warisan ini.

Menurut Shuhana (2005), dalam hal ini wujud stigma dalam kalangan pentadbir dan juga sosio-budaya masyarakat di mana pengukur kejayaan pembangunan warisan adalah berdasarkan pemodenan urbanisasi, ini membawa kepada penumpuan berlebihan kepada pemodenan bandar berbanding membangunkan sumber warisan sedia ada.

### 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad: Satu kajian tentang pengembalian semula (*restoration*) bangunan warisan terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar, Kedah yang dijalankan adalah:

- i) Apakah keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kedah?
- ii) Bagaimanakah kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar?

#### 1.4 Objektif Kajian


Objektif bagi kajian Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad: Satu kajian tentang pengembalian semula (*restoration*) bangunan Warisan terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar, Kedah yang dijalankan adalah:

- i) Mengenal pasti keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kedah.
- ii) Mengkaji kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar.

## 1.5 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah pengembalian semula (*restoration*) bangunan Warisan terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar. Fokus utama kajian ini adalah pada Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad di Alor Setar, Kedah. Seperti yang diketahui umum, Kedah sememangnya terkenal dengan beberapa bangunan warisan namun tidak ramai yang sedar mengenai kewujudan sebuah bangunan lama di Jalan Seberang Perak, Taman Pesisiran Tanjung Chali, Alor Setar, Kedah walaupun bangunan ini terbukti menyimpan banyak kenangan Tun Dr. Mahathir Mohamad sewaktu kecil. Keunikan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ini perlu dipelihara dan dijaga agar generasi akan datang dapat sama-sama mengetahui sejarah bangunan rumah ini yang berada di bumi Kedah. Penyelidikan ini memfokuskan kajian berdasarkan skop kajian:

- i) Skop kajian mengenai keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kedah.
  
- ii) Skop kajian mengenai kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar.



Rajah 1.1 : Peta Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad

Sumber : Google Maps (2021)

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat memberi rujukan kepada pihak individu, masyarakat, institusi pendidikan dan negara.

i) Individu

Dari segi individu, kajian ini dapat menjadi bahan bagi menambah ilmu pengetahuan serta sebagai rujukan kepada sesetengah individu untuk menjalankan kajian yang berkaitan dengan tajuk penyelidikan ini. Dalam hal ini, maklumat berkaitan dengan penyelidikan Rumah kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad diperoleh melalui orang sumber yang boleh dipercayai tanpa sebarang tokok tambah. Justeru itu, kajian ini dapat memberi ruang dan peluang kepada pengkaji pada masa akan datang bagi mengkaji keunikan istana ini. Melalui kajian ini juga, ia akan memberikan ilmu pengetahuan yang baru kepada individu tersebut.

ii) Masyarakat

Dari segi masyarakat, kajian ini penting dalam mewujudkan kesedaran kepada masyarakat bahawa pentingnya bangunan warisan pada masa kini. Hal ini dapat memberitahu masyarakat luar bahawa Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad merupakan mercu tanda yang penting dalam warisan sejarah di Negeri Kedah.

MALAYSIA

KELANTAN

iii) Institusi Pendidikan

Setiap penyelidikan yang dijalankan dapat memberi kepentingan kepada sesetengah institusi pendidikan sebagai bahan rujukan di perpustakaan institusi pengajian awam mahupun swasta. Setiap bab di dalam kajian ini mempunyai kepentingan tersendiri kepada institusi pendidikan yang menjalankan penyelidikan berkaitan bangunan warisan di Malaysia. Sebagai contoh, mahasiswa di Universiti Malaysia Kelantan.

iv) Negara

Melalui kajian ini, ia turut penting kepada negara kerana untuk melindungi dan mempertahankan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya bangunan tersebut dapat terus kekal utuh dan dapat menjadi tarikan pelancong di Kedah.

## 1.7 Struktur Tesis

Kajian penyelidikan ini berkenaan dengan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Di dalam bab ini juga menerangkan permasalahan kajian berkaitan pengembalian semula (*restoration*) bangunan warisan terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar, Kedah. Manakala objektif kajian adalah mengenal pasti keunikan dan keistimewaan rumah kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad dan mengkaji kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar. Kajian ini penting kerana ia akan memberi kepentingan kepada masyarakat, pendidikan dan negara.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan berkenaan sorotan kajian. Sorotan kajian merupakan sumber maklumat dan sorotan kajian lepas yang telah dikaji oleh pengkaji terdahulu melalui penulisan ilmiah serta bahan rujukan seperti jurnal, buku, surat khabar, video, majalah dan laporan mengenai bangunan warisan khususnya berkaitan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kedah. Ulasan kajian ini adalah sangat penting dalam membantu pengkaji untuk dijadikan sebagai panduan serta bukti rujukan kajian yang sedang dijalankan oleh pengkaji. Bahan bacaan dan rujukan bagi penyelidikan ini diperoleh dari Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Negeri Kelantan serta Muzium Kesenian Islam, Kelantan antaranya adalah buku, keratan akhbar, dan jurnal telah digunakan untuk membantu kajian ini. Di samping itu, bab ini juga turut menerangkan mengenai pemuliharaan bangunan warisan yang digunakan untuk penyelidikan ini.

#### 2.1 Definisi Istilah

Definisi istilah adalah takrifan yang merujuk kepada konteks kajian sahaja dan sesuatu istilah perlu dinyatakan dengan jelas adalah untuk kefahaman pembaca. Hal ini demikian kerana setiap pembaca berkemungkinan mempunyai takrifan berbeza berkaitan istilah yang digunakan di dalam kajian ini. Oleh itu, pengkaji menerangkan beberapa istilah untuk kefahaman pembaca.

### 2.1.1 Definisi Warisan

Warisan adalah sesuatu yang diwarisi seseorang dari kumpulan masyarakat secara turun-temurun dari generasi yang lalu. Warisan adalah faktor penting dalam kehidupan setiap orang. Secara umum, istilah "warisan" mempunyai definisi subjektif dan luas (Razak, 2006). Walaupun sesuatu diturunkan dari generasi ke generasi, tiada had masa atau garisan yang dapat menentukan jika harta atau peninggalan layak digolongkan sebagai warisan. Walaupun nilai warisan berbeza antara seseorang individu dengan individu lain, namun sukar untuk mengabaikan pengaruhnya terhadap kehidupan manusia pada hari ini dan masa depan. Menurut World Heritage Committee (1996):

*“Warisan merupakan pusaka peninggalan masa silam yang masih diamalkan pada hari ini dan diperturunkan dari generasi sekarang kepada generasi akan datang. Warisan budaya dan warisan semula jadi kita sememangnya menjadi sumber dan inspirasi kehidupan yang tidak dapat ditukar ganti. Malahan, warisan-warisan ini adalah tanda aras, asas rujukan dan identiti kita.”*

(World Heritage Committee, 1996)

### 2.1.2 Definisi Bangunan Warisan

Bangunan adalah sebahagian daripada warisan kita apatah lagi jika bangunan tersebut mempunyai sejarahnya tersendiri. Di sebalik tersergamnya sesebuah bangunan, tersirat pemikiran, falsafah, nilai kecantikan, dan budaya pereka dan tuan punya bangunan. Ia mampu mengembalikan nostalgia yang pernah terjadi pada bangunan tersebut, kawasan persekitarannya mahupun negara. Semakin tua umur sesebuah bangunan, semakin tinggi nilai bangunan tersebut. Bangunan warisan dan tapak-tapak bersejarah juga yang terdapat dalam sebuah negara atau masyarakat

merupakan bukti peninggalan sejarah mereka. Ia juga sekaligus merupakan bukti pengalaman, kejadian serta peristiwa dalam kehidupan seseorang individu, pemimpin, institusi, pertubuhan, masyarakat atau komuniti ataupun sebuah negara. Semua kejadian yang pernah berlaku pada masa lampau merupakan kejadian serta peristiwa yang tergolong dalam lingkungan masa lalu sama ada ia diingat, penting, berguna ataupun sebaliknya (Mohd Yusof Ibrahim, 1986).

### **2.1.3 Definisi Pengembalian Semula (*Restoration*)**

Pengembalian semula (*restoration*) adalah untuk menghidupkan semula konsep ketulenan yang terdapat pada sesebuah bangunan. Ia mengambil kira ketulenan bahan, bukti arkeologi, reka bentuk asal dan dokumentasi rujukan dari sumber lain. Pengembalian semula biasanya melibatkan usaha untuk mendapatkan bentuk dan butiran secara tepat sesuatu benda sewaktu ia wujud dalam satu tempoh masa yang tertentu melalui penanggalan atau penggantian bahan yang telah hilang dengan yang baru. Pengembalian semula juga turut melibatkan kerja-kerja baik pulih dengan mengekalkan keaslian seni bina dan bahan binaannya kepada suatu masa atau era tertentu yang difikirkan sesuai atau sebaik mungkin ke tahap mula didirikan dan hinggalah kegunaannya yang asal (Jabatan Warisan Negara (JWN), 2012).

### **2.1.4 Definisi Sosio-Budaya**

Para sarjana telah mengemukakan pelbagai penjelasan tentang pendefinisian dan pengertian mengenai sosio-budaya. Secara umum, sosio-budaya adalah perkara yang berkaitan dengan masyarakat dan budaya. Oleh sebab sifat budaya itu, dinamik, ia berkaitan dengan kemajuan fikiran dan akal manusia. Ia menjadi segala sesuatu yang dihasilkan atau diciptakan oleh manusia untuk kelangsungan bermasyarakat (Andreas Eppink, 2008).

Menurut Aziz Deraman (2003), budaya mempunyai hubungan yang amat rapat dengan masyarakat. Budaya juga sering mengalami perubahan dan ia sentiasa berubah mengikut masyarakatnya. Perubahan masyarakat pula mengakibatkan perubahan kebudayaan, dan kebudayaan di negara ini terbentuk adalah melalui proses perubahan atas penyesuaian sendiri. Menelusuri susun galur pelbagai peristiwa dan pensejarahannya.

## **2.2 Sejarah Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Berdasarkan kajian Arkib Negara dan Warisan Negeri Kedah (2018), rumah kayu beratap nipah iaitu Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah rumah yang dibeli oleh ayah Tun Dr. Mahathir iaitu Mohamad Iskandar dari seorang penjual yang pada masa itu hendak mengahwinkan anaknya. Rumah ini telah dibina pada tahun 1990. Semasa rumah ini dibeli ia belum dicat dan berserambi tetapi tidak bertangga di hadapan. Beberapa tahun kemudian, barulah Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ini ditambah pada bahagian hadapan dan dicat. Ketika rumah ini baru dibeli rumah ini juga mempunyai satu bilik sahaja dan tidak mempunyai elektrik. Rumah ini juga berlantaikan papan dan bahagian anjung bersilangkan kain putih. Tun Dr. Mahathir telah dilahirkan pada 20 Disember 1925. Beliau tinggal di rumah ini sehingga berkahwin dengan isterinya iaitu Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali dan beliau berpindah ke rumahnya sendiri di Titi Gajah. Walaupun begitu, Tun Dr. Mahathir sering berulang alik ke Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk berjumpa dengan ibu dan ayahnya.


### **2.2.1 Lokasi Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad**

Zon Kelahiran Pemimpin Besar Malaysia adalah meliputi Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad yang terletak di Jalan Pegawai (sekarang dikenali sebagai Lebuhraya Sultan Abdul Hamid). Ia merupakan sebuah kompleks yang dilengkapi pelbagai maklumat mengenai bekas Perdana Menteri Malaysia yang Keempat (1981 - 2003) yang dikenali sebagai Bapa Pemodenan Negara. Lokasi ini dipilih kerana terletak berhampiran dengan tempat bermulanya Alor Star. Ia merupakan sebuah bandar yang mempunyai sejarah yang panjang di mana telah melahirkan beberapa tokoh-tokoh penting negara. Alor Setar juga merupakan tempat kelahiran pemimpin besar Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Keempat (1981 - 2003). Tempat kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad terletak di Lorong Kilang Ais, Seberang Perak yang berhampiran dengan Tanjung Chali. Lokasi kelahiran pemimpin ini telah dibangunkan sebagai tarikan kepada masyarakat di Alor Setar, Kedah (Syed Zainol Abidin Idris, 1995).

### **2.3 Kerangka Konseptual**

Kerangka konseptual merupakan satu kerangka konsep yang menerangkan bentuk kajian, format kajian, hala tuju kajian atau fasa-fasa dalam penyelidikan yang ingin dijalankan. Model konseptual ini dibina untuk memastikan setiap elemen yang direka memenuhi keperluan dan kehendak pengguna. Lebih jelas lagi, kerangka konsep ini menunjukkan hubungan yang antara variabel bersandar (dependent) dan variabel tidak bersandar (independent) yang biasanya digambarkan dalam sebuah rajah atau grafik. Kerangka konsep lebih bersifat tentatif dan belum dibangunkan secara sepenuhnya berbanding kerangka teori (Norwood, 2000).

## 2.4 Pendekatan Pemuliharaan Bangunan Warisan Pengembalian Semula (*restoration*)



Rajah 2.1: Kerangka Konseptual Kajian

Sumber: Garisan Panduan Pemuliharaan Jabatan Warisan Negara (2015) dan (rujukan teori & tahun)

## 2.5 Kerangka Teoritikal

Kerangka teori merupakan struktur yang menyokong atau memegang teori kajian di dalam penyelidikan. Kerangka teori sebenarnya berfungsi untuk menerangkan serta menjelaskan teori mengapa permasalahan kajian yang dikaji wujud. Berikut merupakan definisi serta pengertian Kerangka Teori menurut beberapa ahli.

Menurut Connaqway dan Powel (2010), teori adalah menerangkan secara sistematik berkaitan dengan aspek kehidupan tertentu berkaitan dengan logik pemikiran yang menjawab sesuatu yang berlaku mempunyai penjelasan yang jelas. Hal ini menunjukkan bahawa teori digunakan adalah untuk menjelaskan sesuatu perkara dengan secara ilmiah dan bersifat akademik. Manakala definisi teori menurut Garrison (2000) pula ialah:

*“Teori merupakan satu penyusunan idea, konsep dan model secara sistematik bagi tujuan membina makna untuk menjelaskan, mentafsirkan dan memahami sebuah fenomena atau kejadian”*

(Garrison, 2000)

## 2.6 Teori Sosiologi

Teori sosiologi merupakan teori yang diasaskan oleh Auguste Comte yang berpendapat bahawa panduan dan konsep utama yang menangani masyarakat beroperasi dan masyarakat yang saling berhubungan antara satu sama lain. Pendekatan sosiologi adalah untuk memahami masalah dan peristiwa sosial yang penting melibatkan dua bahagian yang saling bergantung dan penting dalam teori dan penyelidikan. Dalam pengertian yang paling umum, teori adalah kerangka yang dapat digunakan untuk memikirkan apa yang sedang berlaku di sekitar kita.

Perspektif fungsional, juga dikenal sebagai fungsionalisme dan analisis struktur, berakar pada asal-usul sosiologi. Kerangka teori di mana masyarakat dipandang terdiri dari pelbagai bahagian, masing-masing dengan fungsi yang memenuhi, menyumbang kepada keseimbangan masyarakat. Berdasarkan anggapan bahawa masyarakat adalah sistem yang stabil dan teratur. Idea utama analisis fungsional adalah masyarakat merupakan keseluruhan unit, yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang saling berkaitan dan bekerjasama (Subadi, 2009).

Di dalam penyelidikan ini dapat dikaitkan dengan teori sosiologi. Pendekatan-pendekatan sosiologi merupakan pendekatan yang dianggap sesuai dengan kajian yang dijalankan. Berdasarkan pendekatan sosiologi ini, mendapati bahawa Auguste Comte telah merumuskan sosiologi dalam perspektif fungsional melibatkan masyarakat yang terdiri daripada sosial institusi di mana ia saling berkaitan dengan fungsi dan menyumbang kepada kestabilan keseluruhan masyarakat. Teori ini memberikan keterangan yang memuaskan tentang bagaimana Istana Che Sepachendera ini dapat memberi impak kepada sosio-budaya masyarakat di Alor Setar, Kedah.

Penggunaan teori dalam penyelidikan ini bertujuan untuk memberi sokongan terhadap penjelasan mengenai masyarakat dan budaya yang harus mengambil berat terhadap bangunan warisan di Negeri Kedah.

## 2.7 Kesimpulan

Secara tuntasnya, bab ini menerangkan tentang sorotan kajian dan penemuan-penemuan kajian yang pernah dilakukan pada penyelidikan lepas. Perbincangan awal mengenai definisi istilah dihuraikan untuk memberi kefahaman terhadap kajian yang dikaji. Melalui bab ini juga membincangkan mengenai sorotan kajian lepas yang telah diperolehi dari pelbagai sumber untuk dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji dalam pengumpulan maklumat. Kajian penyelidikan ini akan mengadaptasikan pendekatan pemuliharaan bangunan warisan iaitu pengembalian semula (*restoration*) dan penggunaan teori sosiologi yang telah diperkenalkan oleh Auguste Comte yang akan menjelaskan mengenai kajian ini.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Menurut Azizi Yahya (2007), metodologi mempunyai maksud yang luas berkaitan prosedur dan cara-cara pengolahan data bagi menyelesaikan dan menjawab penyelidikan. Aspek-aspek metodologi yang diambil kira di dalam penyelidikan ini ialah reka bentuk kajian, pengumpulan data, persampelan, instrumen penyelidikan dan analisis data. Hal ini jelas menunjukkan bahawa metodologi adalah kaedah-kaedah yang perlu diikuti dan dilakukan bagi setiap penyelidikan untuk memperoleh maklumat yang tepat dan menjawab kajian pengkaji. Metodologi juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian bagi mana-mana penyelidikan yang berkaitan dengan kajian tertentu (Homby, 1985).

Di dalam bab ini menerangkan mengenai kajian metodologi dan proses kajian yang digunakan untuk mencapai matlamat objektif kajian. Kajian metodologi berfungsi membantu perolehan data penyelidikan menjadi lebih sistematik dan tersusun ke arah mencapai matlamat objektif kajian. Bab ini turut menjelaskan mengenai kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Pengkaji telah merancang dan mengatur penyelidikan dengan metodologi yang sesuai digunakan bagi memperoleh maklumat serta data.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah jenis siasatan dalam kualitatif, kuantitatif dan pendekatan kaedah campuran yang memberikan arahan khusus untuk prosedur di dalam reka bentuk penyelidikan (John W. Cresswell, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa reka bentuk kajian mempunyai tiga jenis kaedah yang boleh digunakan oleh setiap pengkaji mengikut kesesuaian penyelidikan. Antaranya ialah kaedah kualitatif, kuantitatif dan pendekatan kaedah campuran.

Berdasarkan kepada bentuk persoalan kajian, pengkaji lebih memfokuskan pendekatan kaedah kajian ini kepada pendekatan kaedah yang bersifat kuantitatif, walau bagaimanapun, pengkaji juga turut memilih pendekatan kaedah yang bersifat kualitatif bagi menyokong dan menguatkan lagi kajian dapatan. Justeru kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kajian campuran yang bersifat kuantitatif dan kualitatif. Pengkaji menetapkan pemilihan ini berasaskan kepada tajuk dan persoalan kajian ini yang lebih memerlukan kepada kedua-dua bentuk pendekatan ini.

### 3.1.1 Kaedah Kuantitatif

Pendekatan kuantitatif adalah kajian yang menekankan kepada fenomena-fenomena objektif dan dikawal melalui pengumpulan dan analisis data (Nana, 2005; Chua, 2006; Fraenkel, 2007). Penggunaan ujian statistik terhadap sesuatu kajian adalah sebagai usaha untuk menerangkan, menjelaskan atau mencari perhubungan antara pemboleh ubah dalam suatu kajian.

Menurut Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan pendidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan daripada responden, menganalisis nombor-nombor tersebut menggunakan statistik dan menjalankan inkuiri dalam bentuk yang objektif.

Pendekatan kuantitatif melibatkan angka-angka, data-data numerikal atau statistik. Statistik melibatkan pengiraan-pengiraan seperti peratusan, frekuensi, median dan sebagainya. Pendekatan ini mengutamakan 'kuantiti' dan dikatakan lebih berstruktur, makna yang jelas, mempunyai penjadualan yang jelas dan menumpukan kepada hasil. Dari segi skop kajian ia boleh melibatkan responden yang besar.

Dalam kajian ini, untuk memberikan penerangan dan penjelasan tentang persepsi pekerja terhadap kepuasan kerja dan komitmen organisasi, kekerapan, peratus dan min daripada skor yang diperoleh digunakan melalui soal selidik yang diserahkan kepada sampel kajian.

### 3.1.2 Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif pula menekankan kepentingan pengalaman subjektif individu yang perlu dianalisis secara kualitatif dan realiti sosial mempunyai makna tertentu yang bersifat subjektif dan personal. Rohana Yusof (2003). Sebenarnya kajian bersifat kuantitatif dan kualitatif adalah dua pendekatan dalam kaedah penyelidikan yang berbeza atau bertentangan antara satu sama lain. Sungguhpun demikian, pertentangan atau perbezaan tersebut tidak menghalang pengkaji menggunakan kedua-dua pendekatan dalam masa yang sama yang dikenali dengan kaedah campuran.

Perbincangan dalam bab ini juga merangkumi perkara-perkara berkaitan metodologi yang terdiri daripada reka bentuk kajian, responden kajian, tempat dan lokasi, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan lain-lain yang berkaitan.

### 3.2 Pengumpulan Data

Kaedah penyelidikan merupakan cara yang dilaksanakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian seperti sesi temu bual, soal jawab, rujukan media massa, rujukan buku dan seumpamanya. Bab ini menerangkan kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian yang sedang dilakukan. Dalam kajian yang dihasilkan ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu sumber primer dan sekunder.

Menurut Sulaiman Masri (2005), pengumpulan data merupakan proses pengumpulan pemboleh ubah dan penyelidik akan menentukan prosedur, teknik serta aspek pengumpulan data yang sesuai dengan kajiannya. Kaedah pengumpulan data yang sesuai sangat perlu bagi memastikan data yang diperoleh tepat dan sesuai dengan tujuan kajian dilakukan. Lazimnya, penggunaan satu kaedah sahaja tidak memberi gambaran yang sebenarnya mengenai sesuatu persoalan kajian. Oleh yang demikian, pengkaji perlu menggunakan beberapa kaedah pengumpulan data yang sesuai untuk mendapat maklumat dan data tentang persoalan kajian.

Bagi melanjutkan lagi kajian pengkaji terhadap kajian Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, pengkaji akan menggunakan kedua-dua kaedah iaitu kaedah primer dan sekunder. Kaedah primer merupakan perolehan data yang berasal dari sumber asli atau pertama. Pengumpulan data primer ini merupakan data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang dibuat. Data primer juga merupakan data yang dikumpulkan sendiri oleh penyelidik untuk menguji hipotesis dalam kajiannya. Tidak tersedia dalam bentuk fail. Melalui kaedah pengumpulan data primer ini, sumber-sumber maklumat selalunya dikumpul melalui eksperimen atau kajian lapangan. Sebagai contoh, pemerhatian dan temu bual. Manakala pengumpulan data melalui kaedah sekunder pula merupakan sumber data penelitian yang diperoleh peneliti secara tidak langsung melalui media perantaraan (diperoleh dan dicatat oleh pihak lain).

### 3.2.1 Data Primer

Menurut Rohana Yusof (2004), data primer adalah data yang berasal dari sumber asli atau pertama, tidak tersedia dalam bentuk fail. Data asal yang dikumpul secara khususnya untuk menjawab persoalan kajian. (Sabitha Marican, 2005) iaitu data yang dikumpul sendiri oleh pengkaji untuk menguji hipotesis dalam kajiannya.

Sumber-sumber maklumat selalunya dikumpul melalui eksperimen atau kajian lapangan, sebagai contoh melalui temu bual, pemerhatian dan soal selidik. Ia boleh dikumpulkan dari individu, kumpulan fokus ataupun panel pakar.

#### i) Temu Bual

Sesuatu maklumat boleh diperolehi dengan menggunakan kaedah temu bual secara terus dengan pihak yang telah dipilih. Berdasarkan kaedah tersebut, kita dapat memperoleh maklumat berkaitan latar belakang, ciri-ciri serta maklumat-maklumat lain yang diperlukan. Kaedah ini dijalankan bagi individu yang tidak mempunyai masa atau kurang faham untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Temu bual bersemuka berkemungkinan adalah kaedah pengumpulan data yang lebih mahal kerana ia mengambil masa yang lama serta dapat meluangkan masa untuk beramah mesra dengan responden. Temu bual berstruktur adalah kaedah yang terbaik bagi soalan terbuka dan mendapatkan maklumat responden secara terperinci.

**ii) Pemerhatian**


Pemerhatian adalah satu kaedah yang digunakan bagi mengukur pemboleh ubah kajian penyelidik. Kaedah ini memerlukan pengkaji mengamati sesuatu tingkah laku subjek berdasarkan pemboleh ubah yang telah dikenal pasti, seperti bagaimana keadaan bangunan Istana Che Sepachendera yang kini dibiarkan begitu sahaja.

**iii) Soal Selidik**

Soal selidik adalah satu kaedah untuk mengumpul maklumat dengan bertanya satu set soalan kepada satu sampel individu yang dipilih dari satu populasi yang hendak dikaji. Satu kaedah yang popular untuk mendapatkan data dan maklumat di kalangan pengkaji sains sosial (Sharifah Zaleha, 2001). Pengkaji memperoleh data dan maklumat dengan cara membentuk soal selidik tertentu yang menepati ciri-ciri piawai serta menyerahkan sampel kepada responden. Sampel responden ditentukan secara rawak atau ditentukan secara nisbah atau purata.

### 3.2.2 Data Sekunder

Menurut Marican (2005), data sekunder boleh dirujuk sebagai data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain. Sebagai contohnya, data-data yang lepas atau terdahulu dikumpul untuk tujuan kajian. Data-data tersebut masih lagi sesuai dan relevan untuk digunakan bagi menjawab persoalan kajian atau dikembangkan kepada informasi mahupun formulasi yang baru untuk kajian pada masa kini. Maklumat atau bahan terbitan yang dikumpul oleh penyelidik lain boleh digunakan sebagai rujukan untuk mencipta formula atau informasi baru bagi menyelesaikan masalah yang timbul pada masa kini mahupun masa depan. Sebagai contoh, data sekunder yang boleh didapati adalah beberapa jenis bahan rujukan seperti buku, perpustakaan, jurnal, artikel dan internet sebagai rujukan tambahan untuk melengkapkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.



Sumber : Sabitha Marican (2005)

Rajah 3.1 : Sumber Data Sekunder yang digunakan Pengkaji

#### i) Sumber Perpustakaan

Rujukan perpustakaan juga penting semasa proses penyelidikan. Hal ini kerana, ia dapat digunakan untuk mengetahui beberapa maklumat dan penulisan yang berkaitan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad yang terdapat di Perpustakaan Kelantan, Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Perpustakaan Negeri Kedah. Penulisan-penulisan yang dicari adalah dalam bentuk tesis, buku, artikel akhbar yang berkaitan dengan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad.

**ii) Buku Ilmiah**

Buku ilmiah merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk merujuk buku-buku yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji. Di samping itu, pengkaji juga dapat merujuk kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kajian yang hendak dijalankan oleh pengkaji.

**iii) Sumber Internet**

Internet merupakan kaedah yang digunakan dalam mencari maklumat berkaitan dengan kajian Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. Melalui rujukan internet, pelbagai maklumat boleh diperolehi sebagai asas kepada pengetahuan selain ditambah dengan bahan-bahan bacaan. Hasil campuran maklumat rujukan internet dan buku, sudah pasti hasil kajian yang diperolehi akan memuaskan. Melalui rujukan internet ini juga, segala maklumat dapat dimanipulasikan dalam proses penyelidikan yang dijalankan.

**iv) Jurnal**

Jurnal juga merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mencari maklumat berkaitan dengan kajian penyelidikan. Pengkaji mendapatkan maklumat penting mengenai kajian dengan menggunakan laman web iaitu google scholar untuk memperoleh jurnal-jurnal kajian lepas.

### 3.3 Persampelan Kajian

Menurut Kerlinger (1973), kaedah persampelan merupakan pengambilan sebahagian pecahan dari suatu populasi sebagai mewakili populasi. Sampel dalam kaedah persampelan merupakan satu subset populasi dan haruslah mengikut beberapa kriteria dan juga berkaitan dengan isu sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Terdapat beberapa kaedah persampelan, antaranya adalah persampelan kebarangkalian dan persampelan tidak kebarangkalian. Persampelan kebarangkalian dibahagikan kepada sampel rawak mudah, sampel sistematik dan sampel berkelompok. Persampelan tidak kebarangkalian terdiri daripada sampel kuota dan sampel pertimbangan.

### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Antara faktor yang mempengaruhi pemilihan kaedah ini adalah kerana ia sangat mudah untuk uruskan. Ianya hanya memerlukan masa yang singkat untuk menjawab dan penyeliaannya pula adalah senang. Oleh itu, kaedah ini amat bersesuaian sekali kerana ia dapat menjimatkan masa. Ishak Mad Shah (1999) menyatakan bahawa soal selidik biasanya digunakan untuk melihat hubungan antara item yang digunakan ke atas faktor yang hendak dinilai. Kaedah ini tidak memerlukan masa yang panjang untuk mengendalikannya berbanding dengan kaedah-kaedah lain.

### 3.5 Analisis Data

Analisis data adalah data yang diperoleh selepas semua maklumat yang diperolehi dicatatkan. Kemudian kesemua kaedah catatan ini dikumpulkan, sama ada maklumat catatan dari temu bual atau catatan sendiri. Seterusnya data-data ini akan di transkrip mengikut kategori dan tema bagi menjawab persoalan dan permasalahan objektif kajian.

### 3.6 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kaedah penyelidikan merupakan suatu kaedah yang penting dalam suatu kajian yang dijalankan. Penyelidikan yang dijalankan haruslah teliti, ini bertujuan untuk mendapatkan hasil yang memuaskan seperti yang dikehendaki. Kajian metodologi ini menerangkan mengenai reka bentuk penyelidikan yang menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kuantitatif dan kualitatif. Seterusnya, kajian ini menggunakan pengumpulan data yang terdiri dari data primer dan sekunder. Data primer seperti temu bual, pemerhatian dan soal selidik. Manakala data sekunder pula terdiri dari sumber perpustakaan, buku ilmiah, internet dan jurnal. Kemudian bab ini juga menerangkan mengenai kaedah persampelan dan instrumen. Akhir sekali, bab ini menggunakan analisis data di mana data-data yang diperoleh akan dikumpul dan dikategorikan mengikut kumpulan tertentu.

## BAB 4


### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Akta Warisan Kebangsaan 2005 telah menetapkan sesebuah bangunan lama yang berusia sekurang-kurangnya 100 tahun boleh diwartakan sebagai bangunan bersejarah dan diberi perlindungan, penjagaan dan kerja-kerja pemuliharaan (JWN, 2008). Setiap tinggalan seni bina di Malaysia dipengaruhi oleh masyarakat pada ketika itu. Setiap binaan bangunan dipengaruhi oleh kebudayaan mereka. Hal ini dapat dibandingkan bangunan bersejarah di Malaysia sama dengan bangunan bersejarah di negara mereka. Melalui kajian in Rumah Tun Mahathir adalah merupakan salah satu binaan rumah tradisional Melayu Kedah.

Dalam kajian ini, Rumah Kelahiran Tun Mahathir merupakan bangunan warisan yang menjadi tarikan kepada pengkaji untuk melakukan kajian. Hal ini kerana, Rumah Kelahiran Tun Mahathir adalah rumah peninggalan tokoh Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamad yang merupakan Perdana Menteri keempat di mana rumah tersebut telah menyimpan kenangan semasa kehidupan kanak-kanak beliau. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah menggunakan kaedah primer dan sekunder sebagai langkah untuk mengenal pasti maklumat terperinci mengenai Rumah Kelahiran Tun Mahathir, secara am yang akan dilakukan terhadap Rumah Kelahiran Tun Mahathir.

Pengkaji juga menggunakan asas kaedah primer dan sekunder bagi menjawab persoalan kajian secara khusus yang dilakukan dalam kajian seperti kaedah pemerhatian, analisis dokumen, kajian perpustakaan dan kajian temu bual untuk mengukuhkan hasil kajian. Antara persoalan yang ditimbulkan oleh pengkaji adalah mengenai keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Mahathir sebagai bangunan warisan serta kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar. Kaedah-kaedah yang dilakukan dalam kajian ini akan memudahkan pengkaji menghuraikan objektif kajian secara terperinci dan berkesan kepada masalah yang berlaku terhadap Rumah Kelahiran Tun Mahathir.



Rajah 4.1 : Prosedur Dapatan Kajian

Bagi memperoleh data-data berkaitan Rumah Kelahiran Tun Mahathir, pengkaji telah melakukan beberapa prosedur dalam memperoleh data dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk dapatan kajian ini. Langkah pertama, pengkaji telah bermula dengan mengisi maklumat di borang kebenaran melakukan penyelidikan dari pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) terlebih dahulu. Selepas tempoh masa seminggu barulah borang kebenaran menjalankan penyelidikan Rumah Kelahiran Tun Mahathir ini dikeluarkan oleh pihak Universiti Malaysia Kelantan. Surat kebenaran ini adalah bertujuan bagi memudahkan segala urusan yang melibatkan hal-hal rasmi berkaitan dengan kajian ini.

#### **4.1 Keunikan dan Keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Mahathir**

Untuk mendapat maklumat mengenai keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Mahathir sebagai bangunan warisan, pengkaji telah menggunakan kaedah kajian perpustakaan di mana mengambil maklumat daripada sumber ilmiah yang terdapat di dalam artikel dan dokumen lain yang melibatkan teks. Segala maklumat yang ada di dalam artikel dan lain-lain dokumen telah dikeluarkan dan dihuraikan secara mendalam mengenai Rumah Kelahiran Tun Mahathir. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual untuk merungkap cetusan ideal dalam pembinaan Rumah Kelahiran Tun Mahathir yang dicatatkan sebagai salah satu keunikan rumah tokoh Malaysia sebagai bangunan warisan. Dalam kaedah temu bual, pengkaji telah menemu bual seorang responden yang diberi nama Puan Nur Insyirah binti Ibrahim yang merupakan Pengurus Rumah Kelahiran Tun Mahathir dan juga menetap di Sungai Petani, Kedah. Temu bual dilakukan pada hari Selasa 30 November 2021.

Melalui temu bual ini, telah direkodkan dan dianalisiskan berpandukan objektif yang dikehendaki. Melalui hasil analisis dari sumber-sumber ilmiah yang diperolehi hasil kajian perpustakaan dan juga analisis dari temu bual, objektif telah dirungkaikan berkenaan keunikan Rumah Kelahiran Tun Mahathir.

Menurut responden, pada tahun 1900 Rumah Kelahiran Tun Mahathir ini telah dibeli oleh ayah Tun Dr. Mahathir. Selepas itu, projek membaik pulih Rumah Kelahiran Tun Mahathir di ambil atas cadangan Lembaga Muzium Negeri Kedah. Dalam mesyuarat pada 21 Ogos 1990, Lembaga Muzium Negeri Kedah telah mencadangkan kepada Arkib Negara Malaysia Negeri Kedah/Perlis untuk memelihara rumah kelahiran tersebut termasuk di bawah projek Arkib Perdana Menteri. Pada ketika itu, terdapat Arkib Perdana Menteri yang menjaga rumah kelahiran tokoh Malaysia iaitu Rumah Kelahiran Tunku Abdul Rahman, Rumah Kelahiran Tun Hussein Onn, Rumah Kelahiran Tun Abdul Razak dan juga termasuk Rumah Kelahiran Tun Mahathir. Oleh itu, pihak Lembaga Muzium Negeri Kedah memohon kebenaran bertulis daripada Tun Dr. Mahathir dan telah mendapat persetujuan daripada saudara mara beliau pada 29 Jun untuk tujuan membaik pulih dan pelancongan. Selepas itu, Rumah Kelahiran Tun Mahathir ini telah diperolehi oleh Arkib Negeri Malaysia pada bulan Mei tahun 1992 dengan kos sebanyak Rm 438, 0000.

Menurut responden juga, keunikan Rumah Kelahiran Tun Mahathir ini melambangkan rumah Melayu Tradisional negeri Kedah. Para pelancong dan orang luar yang bukan berasal dari Negeri Kedah akan teruja apabila melihat asal rumah kampung. Hal ini kerana, mereka tidak pernah melihat rumah tradisional Melayu Kedah dan ia juga merupakan rumah kelahiran perdana menteri keempat dan ketujuh Malaysia yang dikenali seluruh dunia. Selain itu, dalam rumah tersebut mempunyai meja belajar Tun Dr. Mahathir, bilik pengantin dan ia juga telah menyimpan dan menceritakan tentang kisah beliau bersekolah dan sehingga beliau menjadi perdana menteri yang disegani di serata dunia. Rumah Kelahiran Tun Mahathir ini bukan sahaja


dikunjungi oleh pelancong malahan ada juga yang berkunjung untuk membuat kajian dan juga tujuan pendidikan.

#### 4.2 Kesan Pengembalian Semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas Sosio-budaya Masyarakat di Alor Setar.

##### 4.2.1 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Jantina

JANTINA	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Lelaki	44	44.6
Perempuan	56	55.4
Jumlah	100	100

- Jantina  
100 responses




Gambar Rajah 4.1

Berdasarkan gambar rajah 4.1, hasil kajian menunjukkan bilangan responden perempuan melebihi bilangan responden lelaki. Bilangan responden lelaki adalah seramai 100 orang (44.6%) manakala bilangan responden perempuan adalah seramai 17 orang (55.4%).

#### 4.2.2 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Umur

UMUR	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
18 Tahun dan ke Bawah	2	2
19 – 29 Tahun	76	75.2
30 – 39 Tahun	12	11.9
40 – 49 Tahun	5	5
50 Tahun dan ke Atas	5	5

2. Umur  
100 responses




Gambar Rajah 4.2

Berdasarkan gambar rajah 4.2, hasil kajian menunjukkan bilangan umur responden 19 – 29 tahun melebihi bilangan umur responden lain.. Bilangan umur responden 19 -29 tahun adalah seramai 76 orang (75.2%), bilangan umur responden 30 – 39 tahun adalah seramai 12 orang (11.9%). Selain itu, bilangan umur responden 40 – 49 tahun dan 50 tahun dan ke atas mempunyai bilangan yang sama iaitu seramai 5 orang (5%). Manakala seramai 2 orang (2%) bagi umur responden 18 tahun dan ke bawah.

#### 4.2.3 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Bangsa

BANGSA	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Melayu	93	92.1
Cina	5	5
India	2	2

3. Bangsa  
100 responses




Gambar Rajah 4.3

Berdasarkan gambar rajah 4.3, hasil kajian menunjukkan bilangan responden bangsa Melayu melebihi bilangan responden bangsa Cina dan India. Bilangan responden bangsa Melayu adalah seramai 93 orang (92.1%) manakala bilangan responden bangsa Cina adalah seramai 5 orang (5%) dan bilangan responden bangsa India adalah seramai 2 orang (2%) sahaja.

#### 4.2.4 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan

PEKERJAAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Kerajaan	18	17.8
Swasta	4	5
Bekerja Sendiri	11	10.9
Pelajar	57	56.4
Tidak Bekerja	10	9.9

#### 4. Pekerjaan 100 responses



Gambar Rajah 4.4

Berdasarkan gambar rajah 4.4, hasil kajian menunjukkan bilangan responden pelajar melebihi semua bilangan responden lain. Bilangan umur responden pelajar adalah seramai 57 orang (56.4%). Bilangan responden pekerjaan kerajaan adalah seramai 18 orang (17.8%), bilangan responden bekerja sendiri adalah seramai 11 orang (10.9%) dan bilangan responden yang tidak bekerja adalah seramai 10 orang (9.9%) manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah pekerjaan swasta iaitu seramai 4 orang (5%).


#### 4.2.5 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Tempoh Menetap di Sekitar

##### Alor Setar

TEMPOH MENETAP DI ALOR SETAR	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
0 – 5 Tahun	5	5.9
5 – 10 Tahun	27	26.7
Lebih dari 10 Tahun	68	67.3

#### 5. Tempoh Menetap di Alor Setar

100 responses



Gambar Rajah 4.5


Berdasarkan gambar rajah 4.5, hasil kajian menunjukkan bilangan responden yang menetap di Alor Setar lebih dari 10 tahun melebihi bilangan responden 0 – 5 dan 5 – 10 tahun. Bilangan responden yang menetap di Alor Setar lebih dari 10 tahun adalah seramai 68 orang (67.3%) manakala bilangan responden 5 - 10 tahun adalah seramai 27 orang (26.7%) dan bilangan responden 0 – 5 tahun adalah seramai 5 orang (5.9%) sahaja.

#### 4.2.6 Maklumat Demografi Responden Berdasarkan Tahap Pendidikan

TAHAP PENDIDIKAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Pendidikan Rendah	0	0
Pendidikan Menengah	3	3
Sijil	9	8.9
STPM/Diploma dan Setaraf	20	19.8
Ijazah Sarjana Muda	63	62.4
Ijazah Sarjana	5	5.9

#### 6. Tahap Pendidikan

100 responses



Gambar Rajah 4.6


Berdasarkan gambar rajah 4.6, hasil kajian menunjukkan bilangan tahap pendidikan responden dalam Ijazah Sarjana Muda melebihi semua bilangan responden lain. Bilangan tahap pendidikan responden Ijazah Sarjana Muda adalah seramai 63 orang (56.4%). Bilangan tahap pendidikan responden dalam STPM/Diploma dan Setaraf adalah seramai 20 orang (19.8%), bilangan responden dalam Sijil adalah seramai 9 orang (8.9%) dan bilangan responden dalam Ijazah Sarjana adalah seramai 5 orang (5.9%) manakala bilangan responden yang paling sedikit adalah tahap pendidikan menengah iaitu seramai 3 orang (3%). Kajian menunjukkan tiada responden untuk tahap pendidikan rendah.

**4.2.7 Soalan Kajian Selidik: Mengkaji Kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar.**

Soalan kajian 1: Bangunan bersejarah dapat memberi daya tarikan di tengah bandar.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	5	5
Sangat Setuju	95	95

1. Bangunan bersejarah dapat memberi daya tarikan di tengah bandar.  
100 responses




Gambar Rajah 4.7

Hasil soalan kajian selidik 1 (Gambar Rajah 4.7) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 96 orang responden (95%), manakala seramai 5 orang responden (5%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 1.

Soalan kajian 2: Bangunan bersejarah dapat menarik golongan muda khususnya untuk menghargai warisan negara.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	6	6.9
Sangat Setuju	94	93.1

2. Bangunan bersejarah dapat menarik golongan muda khususnya untuk menghargai warisan negara.  
100 responses



Gambar Rajah 4.8


Hasil soalan kajian selidik 2 (Gambar Rajah 4.8) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 94 orang responden (93.1%), manakala seramai 6 orang responden (6.9%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 2.

Soalan kajian 3: Sifat cinta akan bangunan bersejarah dapat dipupuk melalui bangunan Rumah Kelahiran Tun Mahathir.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	4	4
Sangat Setuju	96	96

3. Sifat cinta akan bangunan bersejarah dapat dipupuk melalui bangunan Rumah Kelahiran Tun Mahathir.

100 responses



Gambar Rajah 4.9


Hasil soalan kajian selidik 3 (Gambar Rajah 4.9) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 96 orang responden (96%), manakala seramai 4 orang responden (4%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 3.

Soalan kajian 4: Rumah Kelahiran Tun Mahathir dapat mengekalkan sebahagian dari identiti kediaman tokoh Malaysia yang telah dibina bertahun lamanya.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	3	3
Sangat Setuju	97	97

4. Rumah Kelahiran Tun Mahathir dapat mengekalkan sebahagian dari identiti kediaman tokoh Malaysia yang telah dibina bertahun lamanya.

100 responses




Gambar Rajah 4.10

Hasil soalan kajian selidik 4 (Gambar Rajah 4.10) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 97 orang responden (97%), manakala seramai 3 orang responden (3%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 4.

Soalan kajian 5: Rumah Kelahiran Tun Mahathir dapat membangkitkan semangat kekitaan dalam kelompok masyarakat yang berbilang bangsa.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	5	5
Sangat Setuju	95	95

5. Rumah Kelahiran Tun Mahathir dapat membangkitkan semangat kekitaan dalam kelompok masyarakat yang berbilang bangsa.  
100 responses



Gambar Rajah 4.11


Hasil soalan kajian selidik 5 (Gambar Rajah 4.11) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 95 orang responden (95%), manakala seramai 5 orang responden (5%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 5.

Soalan kajian 6: Pengembalian semula bangunan kediaman tokoh-tokoh dapat mengekalkan ketulenan bangunan tersebut yang telah dibina pada masa lalu.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	4	4
Sangat Setuju	96	96

6. Pengembalian semula bangunan kediaman tokoh-tokoh dapat mengekalkan ketulenan bangunan tersebut yang telah dibina pada masa lalu.

100 responses



Gambar Rajah 4.12


Hasil soalan kajian selidik 6 (Gambar Rajah 4.12) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 96 orang responden (96%), manakala seramai 4 orang responden (4%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 6.

Soalan kajian 7: Kepentingan pengembalian semula bangunan lama dapat mengekalkan bangunan bersejarah daripada dibiarkan atau dirobohkan.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	4	4
Sangat Setuju	96	96

7. Kepentingan pengembalian semula bangunan lama dapat mengekalkan bangunan bersejarah daripada dibiarkan atau dirobohkan.

100 responses



Gambar Rajah 4.13


Hasil soalan kajian selidik 7 (Gambar Rajah 4.13) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 96 orang responden (96%), manakala seramai 4 orang responden (4%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 7.

Soalan kajian 8: Kepentingan pengembalian semula terhadap bangunan warisan dapat mengekalkan sejarah bandar kepada generasi akan datang.

PILIHAN JAWAPAN	BIL. RESPONDEN	PERATUS (%)
Sangat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak pasti	0	0
Setuju	3	3
Sangat Setuju	97	97

8. Kepentingan pengembalian semula terhadap bangunan warisan dapat mengekalkan sejarah bandar kepada generasi akan datang.

100 responses



Gambar Rajah 4.14

Hasil soalan kajian selidik 8 (Gambar Rajah 4.14) menunjukkan majoriti responden memilih “sangat setuju iaitu seramai” 97 orang responden (97%), manakala seramai 3 orang responden (3%) memilih “setuju”. Kajian menunjukkan tiada responden yang memilih jawapan “tidak pasti”, “tidak setuju” dan “sangat tidak setuju” bagi soalan kajian 8.

### 4.3 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji telah membentangkan hasil dapatan kajian dan analisis data yang dilakukan sepanjang menjalankan kajian. Penganalisan data dibuat adalah menumpukan kepada objektif kajian iaitu mengenal pasti keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kedah dan mengkaji kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar.



## BAB 5

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.0 Pengenalan

Secara keseluruhannya bab ini menerangkan tentang cadangan dan kesimpulan yang telah dilakukan oleh penyelidik ke atas projek penyelidikan ini. Projek penyelidikan ini menyentuh kesemua isu yang telah dibangkitkan berkaitan dengan tajuk penyelidikan yang telah dibuat oleh pengkaji iaitu mengenai Pengembalian Semula (*restoration*) Bangunan Warisan terhadap Sosio-budaya Masyarakat di Alor Setar: Rumah Kelahiran Tun Mahathir, kedah. Setiap masalah yang dikenal pasti akan dibincangkan dan cadangan yang sesuai akan dilakukan untuk mengatasi masalah yang berlaku. Dalam bab ini, semua penyelidikan yang telah dilakukan akan digunakan dan akan diolah di dalam kesimpulan akhir.

Tambahan pula, terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti dan beberapa objektif telah dikenal pasti oleh pengkaji untuk menghadkan penyelidikan. Hal ini disebabkan oleh masalah rumah kelahiran tokoh-tokoh di Malaysia telah banyak menimba pengalaman tetapi tidak dikembalikan semula serta telah banyak bangunan pemodenan dibangunkan pada masa kini.

Keadaan ini perlu dinilai semula bagi membolehkan hasil penyelidikan merujuk kepada objektif-objektif penyelidikan, hal ini kerana ianya sangat penting untuk mengimbas kembali serta menilai sama ada langkah atau usaha yang dijalankan di dalam projek penyelidikan ini dapat mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Penyelidikan akan dapat dihadkan dan diperjelaskan secara ringkas serta dapat memberi cadangan yang munasabah terhadap penyelidikan yang dijalankan.

Kedah juga mempunyai warisan budaya yang cukup mempunyai sifat sejarahnya yang memberi kesan kepada masyarakat tempatan baik dari segi budaya bangunan dan lain-lain lagi. Salah satunya ialah Rumah Kelahiran Tun Mahathir yang mempunyai sejarah yang cukup memberi kesan kepada masyarakat dahulu dan kini. Walau bagaimanapun, pengembalian semula terhadap Rumah Kelahiran Tun Mahathir ini dapat memberi kesan yang mendalam terutamanya terhadap warisan budaya masyarakat Kedah kerana mereka dapat melihat rumah kelahiran tokoh Malaysia.

## 5.1 Cadangan

Seterusnya, terdapat juga cadangan yang dikemukakan kepada pengkaji akan datang, agar kajian yang berkaitan dengan Rumah Kelahiran Tun Mahathir akan dapat menghasilkan natijah yang baik. Cadangan tersebut adalah kajian ini berbentuk kajian kes. Pemilihan responden 100 orang daripada masyarakat Alor Setar sebagai subjek kajian menghasilkan satu dapatan yang terhad. Justeru itu, untuk pengkaji akan datang disarankan agar bilangan sampel lebih besar dan populasi agak menyeluruh.

## 5.2 Rumusan

Berdasarkan objektif yang pertama iaitu keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Mahathir pengkaji telah menemu bual pengurus Rumah Kelahiran Tun Mahathir. Rumah kelahiran ini perlu dijaga kerana mempunyai nilai sejarah yang tersendiri dan merupakan rumah tokoh Malaysia iaitu perdana menteri. Keseluruhannya, objektif penyelidikan yang dijalankan telah dapat dicapai melalui kaedah kajian terdahulu dan penghasilan kajian yang baru.

Berdasarkan objektif yang kedua pula iaitu kesan pengembalian semula (*restoration*) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad ke atas sosio-budaya masyarakat di Alor Setar pengkaji telah merangka soal selidik. Dari soal selidik yang disebarkan responden majoriti memilih jawapan setuju di mana tentang pengembalian semula Rumah Kelahiran Tun Mahathir. Rumah kelahiran tersebut perlu dipelihara. Hal ini demikian, secara tidak langsung dapat memberi penekanan kepada masyarakat tentang kepentingan bangunan warisan tersebut dengan lebih mendalam dan mempunyai kepentingan di masa akan datang. Keseluruhannya, objektif penyelidikan yang dijalankan telah dapat dicapai melalui kaedah kajian terdahulu dan penghasilan kajian yang baru.

## RUJUKAN

### Buku

Jabatan Warisan Negara. (2012). *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan*.

Dato' Dr Haji Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof. (2014). *Kedah Dalam Warisan Sejarah dan Budaya Nusantara*.

### Laman Sesawang

Nor Syahila Ab Rashid, Nila Inangda Manyam Keumala H. Daud. (2014). *Kesesuaian Amalan Penyesuaian Bangunan Kediaman Bersejarah kepada Memorial Kebangsaan*.

<http://jummec.um.edu.my/index.php/jdbe/article/view/5341/3128>

Zuliskandar Ramli, Daeng Haliza Daeng Jamal, Mastor Surat. ( 2017, Disember ). *Istana Kenangan: Meneroka Integrasi Warisan Budaya Melayu dan Konservasi Menerusi Pendekatan Suai Guna Semula*. *Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia*.  
[file:///C:/Users/User/Downloads/171-277-1-PB%20\(2\).pdf](file:///C:/Users/User/Downloads/171-277-1-PB%20(2).pdf)

Renawati Binti Idris. ( 2013 ). *Pemuliharaan dan Pemeliharaan Seni Bina Istana Tengku Long oleh Lembaga Muzium Negeri Terengganu*. *Universiti Malaysia Sarawak*.  
[https://ir.unimas.my/id/eprint/21164/1/Pemuliharaan%20dan%20pemeliharaan%20seni%20bina%20istana%20\(24pgs\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/21164/1/Pemuliharaan%20dan%20pemeliharaan%20seni%20bina%20istana%20(24pgs).pdf)

Muhamad Amirul Hafiz Bin Zulkifli. ( 2015, September ). *Pemuliharaan Bangunan Warisan: Satu Tinjauan ke atas Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan, Pahang*. *Universiti Teknologi Mara*. <http://ir.uitm.edu.my/id/eprint/15935/>

Abdul Hadi Che Awang. (2019). *Kompleks Rumah Kelahiran Tun Mahathir di buka Semula*.  
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kompleks-rumah-kelahiran-tun-mahathir-dibuka-semula-215809>

Wan Mohd Noor Hafiz Wan Mansor. (2021). *Rumah Kelahiran Mahathir Mohamad Kini di Buka Semula*. <https://www.sinarharian.com.my/article/44602/EDISI/Utara/Rumah-Kelahiran-Mahathir-Mohamad-kini-dibuka-semula>

Zulhilmi Paidi, Rohani Abdul Ghani, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Suhanim Abdullah, Mohamad Khadafi Haji Rofie. (2014). *Indeks konservasi bangunan bersejarah dan tapak warisan kebudayaan: pendokumentasian dan pengkategorian untuk industri pelancongan warisan (Heritage Tourism) di negeri-negeri utara semenanjung Malaysia*. <http://repo.uum.edu.my/24781/1/11995.pdf>

Hassan, Hikmah and Haniffa, Mohamed Ali. (2018). *Pembentukan sosiobudaya masyarakat melayu melalui kaedah sejarah lisan*. <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/24843>

Nurfashihah Omar, Indera Shahrul Mat Redzuan. (2021). *Kesan-Kesan Pewartaan Melaka Bandar raya Bersejarah Sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO*. <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb/article/view/2050>

Johan Afendi Ibrahim, Mohamad Zaki Ahmad. (2007). *Pusat Bandar Alor Setar Sebagai Destinasi Pelancongan Warisan: Perspektif Rupa Bandar*. [http://repo.uum.edu.my/7115/1/Jo\\_a3.pdf](http://repo.uum.edu.my/7115/1/Jo_a3.pdf)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## LAMPIRAN A

### BLUE PRINT

NO	LATARBELAKANG KAJIAN	PERMASALAHAN KAJIAN	PERSOALAN KAJIAN	OBJEKTIF KAJIAN	KAEDAH KAJIAN	SOROTAN KAJIAN
1.	Tajuk penyelidikan adalah kajian tentang pengembalian semula ( <i>restoration</i> ) bangunan warisan terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar: Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad	Rumah kelahiran tokoh-tokoh di Malaysia telah banyak menimba pengalaman tetapi tidak dikembalikan semula	Apakah keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kedah	Mengenal pasti keunikan dan keistimewaan Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Kedah	Kaedah kualitatif ialah data yang berbentuk perkataan yang telah dikumpulkan melalui temubual dengan menggunakan buku catatan, rakaman suara dan rakaman video	Dari buku Jabatan Warisan Negara (2012) yang bertajuk Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan
2.	Kedah terkenal dengan bangunan warisan seperti Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad		Bagaimana kesan pengembalian semula ( <i>restoration</i> ) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar	Mengkaji kesan pengembalian semula ( <i>restoration</i> ) Rumah Kelahiran Tun Dr. Mahathir Mohamad terhadap sosio-budaya masyarakat di Alor Setar	Kaedah kuantitatif dikaitkan dengan data numerikal dan ketepatan melalui borang soal selidik	Pengembalian semula ( <i>restoration</i> ) untuk menghidupkan semula konsep ketulenan yang terdapat pada sesebuah bangunan warisan

## LAMPIRAN B

GANT CHART PP1: KAJIAN TENTANG PENGEMBALIAN SEMULA (*RESTORATION*) BANGUNAN WARISAN TERHADAP SOSIO-BUDAYA  
MASYARAKAT DI ALOR SETAR : RUMAH KELAHIRAN TUN DR MAHATHIR MOHAMAD, KEDAH

EYP ETKW

NO	ITEM	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14	M15
1	PENGHANTARAN PROPOSAL								C							
2	PERSEDIAAN AWAL MENGAJI FORMAT PROJEK PENYELIDIKAN								U							
3	LATAR BELAKANG KAJIAN								T							
4	PERMASALAHAN KAJIAN								I							
5	PERSOALAN KAJIAN								M							
6	OBJEKTIF KAJIAN								I							
7	SKOP KAJIAN								D							
8	BATASAN KAJIAN								S							
9	KEPENTINGAN KAJIAN								E							
10	SOROTAN KAJIAN								M							
11	KAEDAH KAJIAN															
12	PEMBENTANGAN PROJEK PENYELIDIKAN															



UNIVERSITI  

---

MALAYSIA  

---

KELANTAN